

UMP perkenal semula sudut pidato

KUANTAN - Universiti Malaysia Pahang (UMP) memperkenalkan semula Sudut Pidato sebagai platform meningkatkan kemahiran pengucapan awam di kalangan mahasiswa.

Majlis perasmian Sudut Pidato itu diadakan di Kafe-teria Kolej Kediaman 1, selepas majlis penamaan calon Majlis Perwakilan Pelajar UMP (MPPUMP) yang dirasmikan Profesor Dr. Mohd Ridzuan Nordin, Dekan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) pada 24 Januari lalu, di Dewan Kuliah Utama 1, Blok W, UMP Kampus Gambang.

Sebagai permulaan, sebahagian daripada 39 calon Majlis Perwakilan Pelajar UMP (MPPUMP) diberi peluang menjadi perintis Sudut Pidato bagi menyemarakkan kempen Pilihan Raya Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) bagi sesi 2009/2010 yang bermula Ahad lalu.

Calon yang bertanding termasuk 12 calon wanita memulakan sudut pidato dengan pelbagai isu, termasuk isu keselamatan dan kebajikan pelajar.

Pelajar tahun dua, Fakulti Kejuruteraan Pembu-



● Profesor Dr Mohd Ridzuan Nordin, Dekan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (tengah) merasmikan sudut pidato sambil disaksikan bekas Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UMP, Mohamad Suffi Kamari (kanan).

Sinarans / PG | 27/01/2010 (cautan)

atan dan Pengurusan Teknologi, Chai Chen Thai mencuri tumpuan semua dengan lantang bersuara memperjuangkan kemudahan pelajar di UMP dan ingin menjadikan MPP suara untuk semua pelajar.

Sementara, pelajar tahun dua, Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian, Nur Fasihah Abdul Kadir calon kerusi umum pula mahu memperjuangkan kebajikan pelajar di UMP.

Profesor Dr Mohd Redzuan Nordin, Dekan JHEPA berkata, sudut pidato ini adalah untuk kebaikan dan membenarkan pelajar melahirkan pandangan men-

genai isu semasa atau apa saja perkara yang memberi kebaikan kepada pelajar.

"Setiap pelajar perlu memaklumkan tajuk pidato mereka kepada JHEPA beberapa hari sebelum itu dan kita akan tetapkan masa untuk mereka berpidato."

"Para pelajar perlu mengambil peluang ini untuk menyuarakan pendapat tanpa perlu rasa takut," kata beliau selepas ditemui di majlis penamaan calon MPPUMP di UMP Gambang.

Menurut beliau, walau pun universiti memberi kebebasan bersuara secara terbuka, perlu ada garis panduan dan pemantauan.